

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

KKM tingkat langkah siap siaga hadapi lonjakan kes

Kementerian terus pantau situasi susulan gelombang wabak di Singapura

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) terus memantau situasi COVID-19 di negara ini susulan gelombang jangkitan terbaharu di Singapura yang menunjukkan peningkatan dua kali ganda kes di republik berkenaan.

KKM meningkatkan langkah kesiapsiagaan bagi menghadapi kemungkinan peningkatan kes di negara ini yang mana 1,230 kes COVID-19 dilaporkan pada 12 Mei hingga 18 Mei lalu, meningkat



KKM menjelaskan virus COVID-19 terus berada dalam komuniti dan rakyat perlu berwaspada. (Foto hiasan)

14.8 peratus berbanding minggu sebelumnya.

"Tiada kematian akibat COVID-19 dilaporkan sejak 25 April, manakala jumlah kemasukan pe-

sakit COVID-19 ke fasiliti kesihatan pada minggu ke-20 meningkat berbanding minggu sebelumnya, namun tidak membebankan kapasiti hospital iaitu daripada

0.08 peratus kepada 0.10 peratus," kata KKM dalam kenyataan, semalam.

Kenyataan sama menyebut, pengisian katil unit rawatan rapi

(ICU) berkurangan daripada 0.17 peratus kepada 0.04 peratus.

Rakyat perlu berwaspada

Katanya, sehingga kini, varian yang sedang menular di Malaysia masih varian Omicron dan subvariannya.

"Ada satu kes K.P2.1 dan satu kes KP.1.1 dilaporkan sejak Mac 2024. Kedua-dua varian KP2.1 dan KP.1.1 adalah sebahagian daripada keluarga Omicron. Secara khususnya, mereka adalah sub-lineage daripada JN.1.11.1.

"Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sudah menyenaraikan jangkitan teruk kepada mereka yang dijangkiti," katanya.

KKM menjelaskan, virus COVID-19 akan terus berada di dalam komuniti dan rakyat perlu berwaspada untuk menghadapi-

Syor surveilan genomik kesan varian baharu dipertingkatkan

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) disaran memperingkatkan surveilan genomik di seluruh negara bagi membolehkan pengesanan varian baharu yang berkemungkinan menjadi faktor peningkatan semasa kes COVID-19.

Pada masa sama, rakyat wajar melakukan semua langkah jika positif COVID-19, sama ada menerusi aplikasi MySejahtera atau platform lain bagi mendapatkan jumlah sebenar kes COVID-19.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Universiti Malaysia (TIDREC-UM), Prof Dr Sazaly Abu Bakar, berkata sukar menjangkakan sama ada Malaysia turut berdepan gelombang baharu COVID-19 seperti Singapura memandangkan sistem genomik surveilan tidak lagi diaktifkan.

"Angka sebenar kes COVID-19 di Malaysia mungkin tinggi, malah tak mustahil lebih banyak berbanding di Singapura. Ribuan rakyat kita berulang-alik di dua negara itu untuk bekerja setiap hari.

"Bayangkan kalau mereka tak laporkan (kes positif COVID-19),

berapa banyak sebenarnya kes keseluruhan. Saya cadangkan surveilan genomik dipertingkatkan.

"Melaluinya, pengesanan varian atau jangkitan yang disebabkan virus baharu dapat dilaksanakan," katanya kepada BH, semalam.

Beliau diminta mengulas gelombang baharu COVID-19 di Singapura yang menyaksikan jangkitan virus berbahaya itu melonjak dua kali ganda.

KKM dalam satu kenyataan kelmarin, memaklumkan langkah siap siaga sedang diambil bagi menghadapi kemungkinan Malaysia turut berdepan peningkatan jangkitan wabak itu.

Beri perhatian serius

Sazaly berkata, kenyataan Singapura bahawa dua pertiga daripada penularan semasa di negara itu disebabkan varian baharu daripada keluarga Omicron, iaitu KP.1 dan KP2 perlu diberi perhatian serius.

"Kedua-dua subvarian (KP1 dan KP2) pantas menular. Namun, setakat ini tidak ada peningkatan kadar keterukan bagi mereka yang dijangkiti. Selain itu, kadar (pesakit) yang memerlukan rawatan di hospital juga

pada peringkat global tidak menunjukkan peningkatan ketara.

"Di Malaysia kita tidak tahu jika KKM ada melakukan pemantauan ketat untuk varian baharu ini. Misalnya, di makmal (TIDREC), tak banyak sampel yang kami terima ketika ini. Sebelum ini (ketika kes COVID-19 naik mendadak), TIDREC ditugaskan melakukan surveilan genomik bagi bahagian utara, namun ia sekarang sudah dihentikan.

"Walaupun ada yang kata jangkitan (COVID-19) ketika ini tak lagi direkodkan, ia masih memberi impak kepada kecekapan pelbagai sektor, khususnya ekonomi negara," katanya.

Pensyarah Mikrobiologi di Jabatan Sains Biologi dan Bioteknologi, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Nazlina Ibrahim, menyarankan orang ramai kembali melakukan kawalan sendiri bagi mengelak diri dan keluarga dijangkiti COVID-19.

"Jangan ambil mudah peningkatan kes di Singapura dan pastikan langkah perlindungan sendiri diamalkan semula," katanya.

Angka sebenar kes COVID-19 di Malaysia mungkin tinggi, malah tak mustahil lebih banyak berbanding di Singapura. Ribuan rakyat kita berulang-alik di dua negara itu untuk bekerja setiap hari

Sazaly Abu Bakar,
Pengarah Eksekutif TIDREC-UM



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : WANITA & KELUARGA

Kerjaya jururawat perlu ikhlas, berani hadapi dugaan

Pengorbanan
wajar disanjung,
tidak harus
dipandang remeh

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Memantau keadaan pesakit, menyediakan ubat dan rawatan mengikut preskripsi doktor, memastikan keselesaan, kebersihan serta memberikan nasihat kesihatan kepada pesakit antara tugas jururawat dianggap pengorbanan yang bukan sedikit.

Fungsi mereka sebahagian daripada barisan hadapan sewajarnya diberi sanjungan dan tidak harus dipandang remeh.

Bagi Jururawat Kanan, Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Columbia Asia Cheras, Juliana Rahmat, 48, mengakui peranan jururawat semakin mencabar dan perlu sentiasa bersedia setiap masa membantu memantau pesakit.

"Selepas masuk kolej kejuru-

rawatan di ibu kota pada 1994 dan tamat pengajian terus bertugas di sebuah hospital swasta pada 1998. Kini sudah 26 tahun bergelar jururawat.

Ibu kepada empat anak itu berkata, sepanjang bertugas kes yang paling tidak dapat dilupakan ialah ketika kes denggi berlaku secara besar-besaran pada 2001.

Ketika itu kesedaran orang ramai mengenai demam denggi masih kurang dan hospital sangat sesak dengan pesakit.

"Kes pula meningkat mendadak, terutama di Lembah Klang dan dilaporkan ramai meninggal dunia akibat denggi berdarah.

"Bagaimanapun, syukur kerana keadaan itu tidak terlalu lama seperti pandemik COVID-19 pada 2020. Ketika itu hospital memang sesak dengan pesakit COVID-19.

"Pernah menjaga seorang pesakit COVID-19 dari Indonesia datang sendirian ke Malaysia untuk urusan perniagaan dan dimasukkan Unit Rawatan Kecemasan hospital ini, namun kemudian dia diterbangkan balik ke negaranya," katanya bersyukur suami dan lima anak memahami tugasannya yang ti-

dak menentu masa.

Jika ingin menjadi jururawat lakukan kerja dengan seikhlas hati dan berani menghadapi setiap dugaan.

Masa depan baik

Jururawat kanan, R Devishree, 32, bertugas di Wad Multidisiplin di hospital sama, sudah 10 tahun sebagai jururawat juga tidak pernah terlintas memegang gelaran itu.

Akuinya, hanya memohon menyambung pengajian di kolej kejururawatan kerana memikirkan bidang itu mempunyai masa depan yang baik.

"Dulu ibu sakit diabetes selalu puji saya pandai menjaganya dan yakin satu hari nanti saya jadi jururawat. Sekarang sakit buah pinggang pula.

"Tidak sangka kata-kata ibu masin, saya benar-benar jadi jururawat dan masih menjaganya," katanya.

Pengalaman tidak dapat dilupakan ketika menjaga pesakit kritikal. Kami perlu menerima tugas sepenuh jiwa dengan menjaga perlu menguruskan semua keadaan pesakit.

"Oleh kerana keadaan pesakit kritikal dan saya pula masih baru dalam bidang ini, namun



Juliana kini sudah 26 tahun bergelar jururawat. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

perlu cepat belajar.

"Apa pun ia pengalaman baik dan menarik kerana sentiasa berdepan dengan pelbagai 'watak' pesakit.

"Kena marah pesakit adalah perkara biasa. Tapi selalunya mereka meminta maaf selepas mengakui tertekan kerana dalam kesakitan," katanya memiliki Ijazah Kejururawatan.

Jururawat kanan, Noor Safira Abd Razak, 31, juga ibu dua anak, berkata pengalaman terus kekal dalam memori ketika bertugas ketika pandemik COVID-19.

"Perlu jaga emosi diri sendiri dan pesakit, tetapi emosi pesakit berada di ICU juga perlu dijaga, terutama yang hanya boleh berkomunikasi dengan keluarga melalui panggilan video.

"Ramai pesakit yang keadaan mental mereka menurun dan sebagai jururawat sudah menjadi tugas kami untuk membantu

mereka dalam apa juga situasi sekali pun.

"Ada pesakit yang hari ini dilihat gembira menelefon keluarga mereka tetapi esoknya, mereka sudah tiada," katanya.

Katanya, disebabkan terdedah kepada risiko mendapat COVID-19, keselamatan diutamakan.

Sebelum pulang ke rumah dan membuka pakaian perlindungan diri (PPE) beliau mandi terlebih dahulu di hospital dengan menggunakan sabun khas.

Katanya, sebaik sampai di rumah saya akan mandi sebelum mengambil anak di rumah pengasuh bagi mengelak jangkitan.

"Ini adalah rutin dan cabaran kami sebagai jururawat selama beberapa tahun ini dan syukur, semua rakyat Malaysia berjaya mengharung dugaan ini dengan sebaiknya," yang menganggap kerja secara berpasukan akan beri keputusan terbaik.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : LOKAL

HRPZ II terima 50 kes kesihatan mental sebulan

Kota Bharu: Sebanyak 50 kes baharu berkaitan kesihatan mental diterima setiap bulan yang memerlukan rawatan di Klinik Pakar Psikiatri Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) II di sini.

Ketua Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental HRPZ II, Dr Fariza Yahya berkata, daripada jumlah itu 25 adalah kes pesakit yang mengalami masalah kemurungan dan lain-lain.

Beliau berkata, amat penting untuk mereka yang mengalami masalah berkenaan supaya segera mendapatkan rawatan daripada pakar di hospital dan tidak perlu bimbang dengan stigma masyarakat.

"Saya minta kepada mereka yang terbabit (pesakit yang ada masalah mental) jangan sesekali cuba merawat sendiri dengan mengambil ubat-ubatan terlarang seperti pil kuda dan sebagainya.



Saya minta kepada mereka yang terbabit (pesakit yang ada masalah mental) jangan sesekali cuba merawat sendiri dengan mengambil ubat-ubatan terlarang seperti pil kuda dan sebagainya"

Dr Fariza

"Kebiasaannya, mereka yang cuba merawat sendiri penyakit itu berakhir dengan kemurungan yang dihadapi menjadi semakin buruk," katanya kepada Bernama.

Mengulas lanjut, Dr Fariza berkata, penyakit mental sebenarnya boleh diubati dengan bantuan daripada pakar yang ber-tauliah.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Dewan bedah Pusat Jantung HSIS diperbaiki Jun

LANGKAWI – Kesemua kecacatan dan kerosakan yang dikesan pada Kompleks Dewan Bedah Pusat Jantung Hospital Sultan Idris Shah (HSIS), Serdang akan diperbaiki menjelang bulan depan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, keputusan itu dicapai menerusi mesyuarat yang diadakan pihaknya bersama kontraktor dan Jabatan Kerja Raya (JKR), baru-baru ini.

"Apa yang dapat dirumuskan dalam perbincangan itu adalah kontraktor memberi jaminan mereka akan memperbetulkan kesemua 'defect' (kecacatan dan kerosakan) menjelang Jun, kami pula mahu pastikan mereka menepati tarikh akhir itu."

"Bangunan baharu yang memiliki empat dewan bedah yang tidak berfungsi ini sangat menjejaskan penyampaian perkhidmatan di Pusat Jantung Serdang ini," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri Lawatan Tapak Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Sultanah Maliha (HSM), di sini semalam.

Terdahulu, beliau bersama Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi mengiringi Sultan Kedah, Sultan

Sallehuddin Sultan Badlishah dan Sultanah Kedah, Sultanah Maliha Tengku Ariff yang berkenan mengadakan lawatan itu.

Dr. Dzulkefly berkata, buat masa ini pesakit yang memerlukan rawatan berkaitan akan dihantar ke Institut Jantung Negara (IJN) sekiranya terdapat kes-kes kecemasan.

Bellau mengulas laporan akhbar berhubung empat dewan bedah di bangunan baharu pusat jantung itu yang disahkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Selangor berhadapan isu teknikal meliputi masalah bekalan elektrik dan kelembapan tinggi.

Pengarah JKN Selangor, Dr. Ummi Kalthom Shamsudin berkata, isu itu sedang ditangani dan diambil tindakan oleh kontraktor utama di bawah pemantauan JKR sebelum pengoperasian di Kompleks Dewan Bedah Pusat Jantung HSIS dimulakan.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Dr. Dzulkefly memaklumkan, kemajuan projek pembinaan bangunan tambahan HSM mendahului jadual sebanyak 15 hari iaitu telah mencapai 22.5 peratus berbanding jadual sebanyak 21.35 peratus.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NEGARA



ORANG ramai dinasihatkan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes. - GAMBAR HIASAN

2,338 kes direkod pada minggu kedua Mei

40 maut akibat denggi tahun ini

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Sebanyak 40 kematian direkodkan tahun ini akibat demam denggi berbanding 26 kematian bagi tempoh sama pada tahun lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, sebanyak 2,338 kes demam denggi direkodkan pada minggu kedua Mei iaitu meningkat berbanding 1,996 kes pada minggu sebelumnya dengan satu kematian dicatatkan.

Beliau berkata, angka itu menjadikan kumulatif kes demam

denggi adalah sebanyak 57,220 kes berbanding 41,175 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

"Pada masa sama, terdapat 40 kematian dilaporkan berbanding 26 kematian bagi tempoh sama pada tahun lalu.

"Sebanyak 60 lokaliti hotspot dilaporkan berbanding 70 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya meliputi 45 lokaliti di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (tujuh), Sarawak (tiga), Pulau Pinang (dua) dan masing-masing satu di Kedah, Perak dan Negeri Sembilan," katanya dalam kenyataan semalam.

Ujarnya, bagi survelan chikungunya, terdapat satu kes direkodkan menjadikan sebanyak 24 kes jumlah kumulatif sekali gus tiada wabak penyakit itu dilapor.

Katanya, sebanyak 974 sampel darah dan enam sampel urin saringan zika bagi survelan zika, dan kesemuanya adalah negatif.

Beliau menasihati orang ramai untuk terus memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk Aedes memandangkan situasi panas dan kering ketika ini boleh menyumbang kepada peningkatan populasi nyamuk Aedes di persekitaran.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Pakar cadang buat ujian terhadap sampel pesakit untuk tentukan varian

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
SHAH ALAM

Pakar mengesyorkan kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kembali memantau kes jangkitan harian Covid-19 di negara ini susulan peningkatan kes pandemik itu di negara jiran, Singapura.

Pakar Virologi Universiti Malaya (UM), Profesor Dr Sazaly Abu Bakar berkata, pemantauan secara menyeluruh sepatut-

nya dibuat termasuk dengan melakukan penjujukan genom atau ujian terhadap sampel diambil daripada pesakit bagi menentukan varian pandemik tersebut.

"Kita tidak tahu keadaan semasa jangkitan Covid-19 di negara ini kerana KKM sudah tidak keluaran data kes harian seperti dahulu selain rakyat juga sudah tidak perlu melaporkan keputusan ujian saringan Covid-19 secara sendiri yang dilakukan.

"Kalau kita tengok data Singapura, mereka kesan gelombang peningkatan dua kali ganda kes Covid-19 itu sebab mereka masih lagi memantau secara ketat kes

ini tapi sebab Malaysia tidak berbuat demikian, jadi kita tak akan tahu sama ada wujud peningkatan kes atau sebaliknya," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

KKM pada Ahad dilaporkan sedang memantau dengan teliti trajektori gelombang peningkatan dua kali ganda kes Covid-19 yang dilaporkan oleh Singapura baru-baru ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, perkadaran gabungan sub varian KP.1 dan KP.2 pada masa ini menyumbang lebih dua per tiga kes Covid-19 di Singapura.

Justeru, Sazaly mencadangkan supaya peruntukan dalam



SAZALY

sektor kesihatan ditambah bagi membolehkan penjujukan genom dilaksanakan semula.

"Negara ketika ini sudah tidak buat pemantauan genom secara besar-besaran, kita dah hentikannya. Oleh itu andainya berlaku peningkatan sub varian KP.1 dan

KP.2 kita tak akan dapat kesan serta tidak dapat lakukan pemantauan menyeluruh," ujarnya.

Mengulas lanjut, Sazaly berpendapat, langkah kerajaan memantau dengan teliti trajektori gelombang peningkatan dua kali ganda kes Covid-19 di Singapura sebagai persediaan sekiranya berlaku keadaan sama di negara ini.

Menurutnya, persediaan yang mungkin dilakukan KKM termasuklah dari segi penyediaan ubat-ubatan, peralatan dan kakitangan yang mencukupi.

Bagaimanapun, beliau berkata, buat masa ini rakyat tidak perlu terlampau risau dengan perkembangan kes berkenaan kerana kebanyakannya daripada mereka telah menerima vaksin.

"Cuma kena ambil langkah-langkah melindungi diri dan segera buat ujian saringan sekiranya ada simptom terutama bagi golongan yang berisiko tinggi.

"Golongan berisiko tinggi ini seperti warga emas, individu yang ada komorbid iaitu orang yang mempunyai dua atau lebih penyakit atau keadaan perubatan yang tidak berkaitan secara serentak serta mereka yang mempunyai sistem imun yang lemah," jelasnya.

KKM pantau peningkatan Covid-19

Laporan Sinar Harian pada Isnin.



2,338 kes baharu denggi, satu kematian dilaporkan

SHAH ALAM - Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada minggu epidemiologi (ME) ke-19 tahun ini, meningkat kepada 2,338 kes berbanding 1,995 kes pada minggu sebelumnya, dengan satu kematian dicatatkan akibat komplikasi demam denggi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 57,220 kes berbanding 41,175 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Menurutnya, sebanyak 40 kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan dalam ME ke-19 tahun ini berbanding 26 kematian bagi tempoh yang sama pada 2023 iaitu peningkatan sebanyak 14 kematian.

"Sebanyak 60 lokaliti kawasan utama dilaporkan pada minggu tersebut berbanding 70 lokaliti pada minggu sebelumnya, dengan 45 lokaliti kawasan utama berada di Selangor.

"Sementara itu, tujuh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Putrajaya, tiga di Sarawak, dua di Pulau Pinang dan masing-masing satu di Kedah, Perak serta Negeri Sembilan," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Dalam pada itu, Dr Muhammad Radzi memberitahu bahawa, surveilan



DR MUHAMMAD RADZI

chikungunya merekodkan sebanyak satu kes pada ME ke-19 dan menjadikan jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 24 kes.

Bagi pengawasan zika, beliau memaklumkan, sebanyak 974 sampel darah dan enam sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Tambahnya, taburan hujan dijangka berkurangan dan menjadikan cuaca lebih panas susulan Jabatan Meteorologi Malaysia memaklumkan bahawa Monsun Barat Daya dijangka bermula pada 17 Mei 2024 dan berterusan sehingga September 2024.

"Situasi panas dan kering ini boleh menyumbang kepada peningkatan populasi nyamuk aedes di persekitaran disebabkan kitaran hidup nyamuk dari fasa telur sehingga dewasa akan menjadi lebih pendek.

"Selain itu, nyamuk aedes betina akan menggigit dengan lebih kerap semasa cuaca panas untuk mendapatkan sumber protein iaitu darah bagi penghasilan telur," ujarnya.

Justeru, beliau menasihatkan orang ramai untuk terus memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk aedes di dalam dan luar rumah dengan melakukan aktiviti cari serta musnah tempat pembiakan sekurang-kurangnya 10 minit sekali seminggu.

Kompleks Dewan Bedah Pusat Jantung HSIS dibaik pulih bulan depan

LANGKAWI - Kerosakan atau kecacatan pada Kompleks Dewan Bedah Pusat Jantung, Hospital Sultan Idris Shah (HSIS), Serdang, Selangor yang dilaporkan sebelum ini akan dibaik pulih menjelang bulan depan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pihak kontraktor projek tersebut telah memberi jaminan akan melakukan kerja-kerja baik pulih itu selepas mengadakan mesyuarat bersama Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Selangor dan Jabatan Kerja Raya (JKR), baru-baru ini.

"Kami mahu pastikan mereka memenuhi tarikh ditetapkan. Bangunan baharu empat bilik bedah yang tidak berfungsi sangat menjejaskan penyampaian dan juga perkhidmatan Pusat Jantung di Serdang ini," katanya dalam sidang media di sini pada Isnin.

Terdahulu, Dr Dzulkefly bersama Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi mengiringi Sultan Kedah Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah dan Sultanah Kedah Sultanah Maliha Tengku Arif yang berkenan melawat ke tapak projek pembinaan bangunan tambahan Hospital Sultanah Maliha di sini.

Sebelum ini JKN Selangor dilapor-



DR DZULKEFLY

kan mengesahkan Kompleks Dewan Bedah Pusat Jantung HSIS berhadapan isu teknikal termasuk masalah bekalan elektrik.

Bagaimanapun Dr Dzulkefly berkata, keadaan tersebut tidak mengganggu kes kecemasan kerana penyusunan akan dibuat dengan merujuk pesakit ke fasiliti lain seperti Institut Jantung Negara (IJN).

Dalam pada itu beliau berkata, projek pembinaan bangunan tambahan Hospital Sultanah Maliha yang bermula pada 20 Januari 2022 telah mendahului jadual sebanyak 15 hari iaitu mencapai 22.5 peratus kemajuan.

Menurutnya, projek yang dijadual siap pada 26 Disember tahun depan membabitkan kos kontrak RM425 juta bagi meningkatkan bilangan perkhidmatan kepakaran serta mengurangkan kebergantungan dan rujukan pesakit ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar dan hospital lain.

"Bangunan tambahan ini turut meningkatkan bilangan katil tambahan sebanyak dua kali ganda iaitu daripada 110 kepada 330 katil bagi menampung populasi penduduk Pulau Langkawi yang berkembang serta kehadiran pelancong yang semakin meningkat," katanya. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NASIONAL

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

Naikkan harga gula tidak selesaikan isu diabetes

Kadar pengambilan gula bergantung kepada kesedaran individu

Oleh **SITI NOOR FAEZAH MUDA SHAH ALAM**

Cadangan menarik subsidi gula tidak memberikan impak besar bagi mengurangkan kadar penyakit diabetes di negara ini untuk mengambil bahan manis.

Pegawai Dietetik, Pusat Pengajian Dietetik Fakulti Sains Kesihatan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Siti Norfatimah Ismail berkata, kadar pengambilan gula dalam kalangan rakyat Malaysia bergantung kepada kesedaran individu untuk menjaga kesihatan.

"Mengeluarkan gula daripada senarai barangan bersubsidi bukan langkah bijak untuk mengurangkan kadar

penyakit kencing manis.

"Pengambilan gula sama seperti isu merokok, walaupun harga dinaikkan pengguna yang tegar tetap membelinya," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Pada Ahad, Pusat Galen untuk Dasar Kesihatan dan Sosial mencadangkan kerajaan mengeluarkan gula daripada diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi mengurangkan penyakit diabetes berbanding memperkenalkan sistem pengedaran kandungan gula.

Katua Pegawai Eksekutif badan pemikir berkenaan, Azrul Mohd Khalib berkata, subsidi gula hanya akan menyebabkan rakyat mengambil lebih banyak kandungan gula.

Tambah Siti Norfatimah, gaya hidup aktif dan amalan pemakanan sihat merupakan kaedah terbaik untuk bagi me-



SITI NORFATIMAH

ngurangkan jumlah pesakit diabetes sekali gus menurunkan perbelanjaan rawatan penyakit tidak berjangkit (NCD) oleh pihak kerajaan.

"Tingkatkan pengambilan buah dan sayur-sayuran. Ambil lebih banyak protein dan jumlah karbohidrat yang mencukupi seperti bijirin serta kekacang.

"Garam juga perlu dikurangkan untuk mengelakkan peningkatan tekanan darah.

"Selain menggabungkan pemakanan yang baik, lakukan juga senaman yang kerap sekurang-kurangnya 25 hingga 30 minit setiap hari," katanya.

Tambah beliau, Kementerian Kesihatan Malaysia juga perlu lebih agresif mempromosikan budaya hidup sihat dan bahaya penyakit diabetes secara optimum menerusi media sosial, radio serta stesen televisyen.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Dalam Negeri

**Minda
Pengarang**

ISMAIL DAUD



Akta 852 perlu selesaikan isu vape

AKTA Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) dijadual dikuatkuasakan sepenuhnya mulai Jun ini. Akta itu adalah antara usaha kerajaan mengekang penggunaan produk tembakau serta mengurangkan kemudaratannya akibat merokok dan produk tembakau dan pengganti tembakau seperti rokok elektronik dan vape.

Akta itu juga dijangka dapat menangani peningkatan rokok elektronik dan vape dalam kalangan orang muda yang kini bukan sahaja menjadi satu ketagihan baharu tetapi juga semacam budaya dalam kalangan generasi tersebut.

Menurut Kaji Selidik Tembakau Dewasa Global (GATS) Malaysia 2023, penggunaan rokok elektronik di Malaysia meningkat sebanyak 600 peratus dalam tempoh 12 tahun dengan peningkatan paling ketara dalam kalangan orang yang berusia kurang 50 tahun. Kajian itu juga mendapati pengguna rokok elektronik berumur 15 hingga 24 tahun menunjukkan peningkatan drastik dari 1.1 peratus pada tahun 2011 kepada 8.6 peratus pada tahun lalu.

Data yang diperolehi daripada 4,269 responden termasuk di luar bandar itu menunjukkan bahawa undang-undang yang lebih tegas dan menyeluruh berkaitan tabiat merokok perlu dikuatkuasakan dengan segera.

Walaupun Akta 852 itu tidak lagi ada peruntukan terhadap Generasi Penamat Rokok (GEG) yang sebelum ini disasarkan kepada individu yang dilahirkan selepas 2007 tetapi ramai yang berharap perkara itu bukan penamat kepada usaha melahirkan generasi tanpa rokok.

Peruntukan digugurkan atas saranan Jabatan Peguam Negara berikutan terdapat isu ketidakadilan dan diskriminasi, selain boleh dicabar di mahkamah kerana bercanggah dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

Ramai berharap Kementerian Kesihatan akan tampil dengan pendekatan baharu bagi menggantikan GEG untuk mengekang tabiat merokok yang kini melibatkan seramai 4.8 juta rakyat Malaysia atau kira-kira 40 peratus daripada lelaki dewasa negara ini.

Di United Kingdom, Perdana Menteri, Rishi Sunak mencadangkan supaya had umur minimum mereka yang boleh membeli rokok dinaikkan setiap tahun sehingga akhirnya tiada siapa yang boleh membeli rokok. Tidak tahulah sama ada cadangan itu boleh dilaksanakan di sini.

Namun, perkara yang perlu diberikan perhatian khusus apabila akta ini dikuatkuasakan ialah peraturan berkaitan rokok elektronik dan vape yang kini terlalu longgar sehingga seolah-olah tiada sekatan terhadap penghasilan, pengimportan dan penjualan vape.

Kedai jual vape dibuka di merata tempat, kini dijual di kedai serbaneka 24 jam, ada produk dan model baharu saban bulan dan macam-macam lagi. Tidak pernah ada sekatan. Kawal selia lebih ketat perlu dikuatkuasakan segera supaya Malaysia tidak menjadi pusat lambakan produk pengganti tembakau yang tidak berkualiti dan tidak ketahui bahan yang digunakan terutama produk vape pakai buang.

Namun, di sebalik akta yang dikatakan lebih menyeluruh itu, penguatkuasaan terhadap penyeludupan rokok juga perlu dipertingkatkan kerana inilah antara punca tabiat merokok masih sukar dibendung walaupun cukai rokok dinaikkan.

Nielsen Inc. dalam laporan Kajian Rokok Haram (ICS) di Malaysia mendapati, kadar rokok haram di peringkat kebangsaan pada Mei 2023 adalah 55.3 peratus, salah satu yang tertinggi di dunia. Ada sumber industri pula memberitahu, ada pengilang di luar negara yang menghasilkan rokok semata-mata untuk diseludup ke Malaysia.

Akta 852 adalah bukti kerajaan serius dalam menangani isu rokok. Tetapi ada sahabat berkata, jangan hanya lihat rokok sebagai isu, masalah obesiti dan penyakit akibat gula juga perlu ditangani kerana ia juga menelan peruntukan berbilion ringgit untuk rawatan.

Ismail Daud adalah Timbalan Pengarang Utusan Malaysia/Mingguan Malaysia

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

Wujudkan program mentor mentee di hospital daerah

PETALING JAYA: Kementerian Kesihatan Malaysia perlu mewujudkan program mentor-mentee di hospital daerah bagi meningkatkan bilangan doktor pelatih ditempatkan di hospital berkenaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (Perdim), Dr. Boi Saidi Abd. Razak berkata, program tersebut perlu bagi memberi didikan secara formal kepada doktor pelatih untuk melaksanakan tugas dengan baik.

"Namun, program ini harus mendapat persetujuan bersama pakar-pakar untuk menjadi tenaga pengajar kerana tidak semua yang memiliki kesungguhan dalam mendidik.

"Selainnya doktor pelatih akan dihantar ke hospital pendidikan iaitu hospital yang mempunyai universiti bersamanya. Maka tugas mereka untuk menimba pengalaman lebih senang," katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, kehadiran pakar dan doktor pelatih di hospital daerah amat membantu ekoran kekurangan petugas dan tidak hanya menunggu kepada pakar yang datang tugas atas panggilan (*on call*) dua kali dalam seminggu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad dilaporkan berkata, beliau telah mengarahkan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan supaya menempatkan semula doktor pelatih (HO) di hospital daerah yang memerlukan dengan kadar segera.

Menerusi hantaran di laman X Jumaat lalu, beliau berkata, segala langkah penambahbaikan jangka sederhana dan panjang juga sedang dilaksanakan.

Sementara itu, jurucakap Hartal Doktor Kontrak, Dr. Izzudin Anuar berkata, cadangan Dzulkefly untuk menempatkan doktor pelatih ke hospital daerah harus diperhalusi sebelum dilaksanakan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

Kontraktor janji baiki Pusat Jantung HSIS menjelang Jun

LANGKAWI: Kontraktor Kompleks Dewan Bedah Pusat Jantung Hospital Sultan Idris Shah (HSIS), Serdang memberi jaminan akan memperbaiki semua kerosakan dan kecacatan di fasiliti itu menjelang Jun ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, keputusan itu dicapai susulan mesyuarat yang diadakan pihaknya bersama kontraktor dan Jabatan Kerja Raya (JKR), baru-baru ini.

"Apa yang dapat dirumuskan dalam perbincangan itu adalah kontraktor memberi jaminan mereka akan memperbetulkan kesemua kerosakan dan kecacatan menjelang Jun, kami pula mahu pastikan mereka menepati tarikh akhir itu.

"Bangunan baharu yang memiliki empat dewan bedah yang tidak berfungsi ini sangat menjejaskan penyampaian perkhidmatan di pusat jantung Serdang ini," katanya pada sidang akhbar



SULTAN Sallehuddin Sultan Badlishah dan Sultanah Maliha Tengku Ariff bersama Dzulkefly Ahmad serta Alexander Nanta Linggi melawat tapak projek pembinaan bangunan tambahan Hospital Sultanah Maliha, Langkawi, semalam.

selepas menghadiri Lawatan Tapak Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Sultanah Maliha, Langkawi, semalam. Terdahulu, beliau bersama

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi mengiringi Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah dan Sultanah Kedah, Sultanah

Maliha Tengku Ariff yang mengadakan lawatan itu.

Mengulas lanjut, Dzulkefly berkata, meskipun berdepan isu itu, pesakit yang memerlukan rawatan berkaitan akan dihantar ke Institut Jantung Negara (IJN) sekiranya terdapat kes-kes kecemasan, buat masa ini.

Beliau mengulas laporan *Utusan Malaysia* berhubung empat dewan bedah di bangunan baharu pusat jantung itu yang disahkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Selangor berhadapan isu teknikal meliputi masalah bekalan elektrik dan kelembapan tinggi.

Pengarah JKN Selangor, Dr. Ummi Kalthom Shamsudin berkata, isu itu sedang ditangani dan diambil tindakan oleh kontraktor utama di bawah pemantauan JKR sebelum pengoperasian di Kompleks Dewan Bedah Pusat Jantung HSIS dimulakan.

Dalam pada itu, Dzulkefly memaklumkan, kemajuan pro-

jek pembinaan bangunan tambahan Hospital Sultanah Maliha mendahului jadual sebanyak 15 hari iaitu telah mencapai 22.5 peratus berbanding jadual sebanyak 21.35 peratus.

Katanya, projek itu telah dimulakan pada 20 Januari 2022 dan dijadualkan siap pada 26 Disember 2025 serta turut berpotensi untuk siap lebih awal berdasarkan prestasi yang ditunjukkan.

"Bangunan tambahan ini meningkatkan bilangan katil tambahan sebanyak dua kali ganda iaitu daripada 110 katil kepada 330 katil, bagi menampung populasi penduduk Pulau Langkawi yang berkembang serta kehadiran pelancong yang semakin meningkat.

"Projek ini turut melibatkan pembinaan tempat letak kereta bertingkat dan juga kuarters kediaman kakitangan dengan kos keseluruhan berjumlah RM425 juta," ujarnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : DALAM NEGERI



PESAKIT mempunyai hak untuk membawa tuntutan apabila berlaku kecuaiian perubatan. - GAMBAR HIASAN

Ambil tahu hak dalam kecuaiian perubatan

SAUDARA PENGARANG,

SECARA amnya, kecuaiian adalah pelanggaran kewajipan untuk berhati-hati dan menyebabkan kemudaratan kepada orang lain. Kemudaratan termasuk kecederaan diri, kerosakan kepada harta benda dan juga kerugian ekonomi.

Kecuaiian perubatan pula adalah satu konsep undang-undang yang timbul apabila pusat perubatan (hospital/klinik) dan perkhidmatan (dokter, jururawat dan sebagainya) gagal menyediakan tahap penjagaan standard yang mengakibatkan kecederaan kepada pesakit.

Kecuaiian perubatan boleh berlaku dalam banyak situasi seperti gagal mendiagnosis penyakit dengan tepat walaupun pesakit menunjukkan simptom yang boleh diuruskan dengan cekap dan munasabah oleh doktor professional, preskripsi ubat atau pemberian dos yang salah, cuai semasa prosedur pembedahan atau semasa proses kelahiran, penangguhan rawatan.

Apabila berlaku kecuaiian perubatan, pesakit mempunyai hak untuk membawa tuntutan terhadap pusat perubatan dan perkhidmatan. Bagi membolehkan tuntutan kecuaiian perubatan berjaya, pesakit perlu membuktikan elemen-elemen kecuaiian perubatan wujud. Terdapat elemen kecuaiian perubatan yang perlu dibuktikan oleh pesakit.

Di Malaysia, terdapat beberapa cara perundangan yang boleh digunakan. Kebiasaannya mahkamah akan memberi ganti rugi am atau ganti rugi khas. Walau bagaimanapun, jumlah ganti rugi adalah mengikut budi bicara mahkamah dan bergantung kepada keadaan setiap kes. Oleh itu sebelum memulakan sesuatu

tindakan ke atas pihak yang melakukan kecuaiian, dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kecederaan, laporan perubatan, ujian diagnostik dan resit-resit bayaran perlu dikemukakan kepada pihak peguam. Kes kecuaiian perubatan boleh menjadi mencabar kerana ia bergantung kepada bukti perubatan yang jelas.

Peguam akan berhubung dengan pakar perubatan yang kepakarannya selari dengan bidang perubatan yang mana kecuaiian berlaku sebelum tuntutan saman difailkan. Laporan akan dikeluarkan oleh pihak pakar perubatan selepas penilaian mendalam dilakukan ke atas kecederaan yang dialami. Justeru, mangsa (pesakit) perlu memberi segala bukti kukuh untuk menyokong tuntutan kecuaiian perubatan berjaya di mahkamah dan mendapat pampasan yang sepatutnya.

Sebagai alternatif, pesakit juga boleh membuat aduan dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC), sebuah badan berkanun yang mengawal selia amalan perubatan di Malaysia. Mereka mempunyai kuasa menjalankan siasatan serta membuat sekatan, menggantung atau membatalkan lesen pengamal perubatan yang didapati cuai.

Kesimpulannya, adalah penting untuk mengambil maklum bahawa kecuaiian perubatan adalah salah satu daripada konsep undang-undang yang memberi hak kepada mangsa (pesakit) untuk membawa tuntutan ke atas pusat perubatan, perkhidmatannya atau pengamal perubatan.

SU HARNE ISMAIL

Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan,
(Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS))

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 33
RUANGAN : DALAM NEGERI

Dalam Negeri

Utusan Malaysia
SELASA • 21 MEI 2024

33

Kes demam denggi meningkat

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@medianulla.com.my

PUTRAJAYA: Sejumlah 2,338 kes demam denggi direkodkan pada minggu kedua bulan ini iaitu meningkat berbanding 1,995 kes pada minggu sebelumnya dengan satu kematian dicatatkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, angka itu menjadikan kumulatif kes demam denggi adalah sebanyak 57,220 kes berbanding 41,175 kes

bagi tempoh sama tahun lalu.

Pada masa sama, katanya, terdapat 40 kematian dilaporkan berbanding 26 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun lepas.

"Sebanyak 60 lokaliti hotspot dilaporkan berbanding 70 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya meliputi 45 lokaliti di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (tujuh), Sarawak (tiga), Pulau Pinang (dua), dan masing-masing satu di Kedah, Perak dan Negeri Sembilan," katanya dalam kenyataan se-



Sebanyak 60 lokaliti hotspot dilaporkan berbanding 70 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya..."

MUHAMMAD RADZI

malam.

Bagi survelan chikungunya, terdapat satu kes direkodkan menjadikan sebanyak 24 kes jumlah kumulatif sekali gus tiada wabak penyakiti itu dilaporkan.

Pada masa sama, menurut beliau, sebanyak 974 sampel darah dan enam sampel urin dijalankan saringan zika bagi survelan zika, dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Dalam pada itu, Muhammad Radzi menasihati orang ramai untuk terus memastikan tiada

tempat pembiakan nyamuk Aedes memandangkan situasi panas dan kering ketika ini boleh menyumbang kepada peningkatan populasi nyamuk Aedes di persekitaran.

"Ini disebabkan kitaran hidup nyamuk dari fasa telur sehingga dewasa akan menjadi lebih pendek.

"Selain itu, nyamuk Aedes betina akan mengigit dengan lebih kerap semasa cuaca panas untuk mendapatkan sumber protein iaitu darah bagi penghasilan telur," katanya.

THE STAR, TUESDAY 21 MAY 2024

The ministry, he added, would ensure that the comprehensive facility was also supported by adequate human resources and the latest digital technology.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATION

Fighting back against diseases

Experts welcome Putrajaya healthy city plan amid worrying new statistics

By ARFA YUNUS
arfayunus@thestar.com.my

PETALING JAYA: With the increasing concern on Malaysians afflicted with non-communicable diseases (NCDs), Putrajaya will be shaped as a model township where elements of healthy living will be highlighted.

In the National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2023 released last week, it was revealed that more than 500,000 or 2.5% of the adult population in Malaysia suffered from four NCDs, namely diabetes, hypertension, high cholesterol and hyperactivity.

The report found that some 54.4% of Malaysian adults are overweight or obese, a 10% increase from the 44.5% reported in NHMS 2011.

To make matters worse, the NHMS 2023 also revealed that only 4.9% of adults consumed the recommended daily servings of fruits and vegetables while 29.9% of adults were physically inactive.

In an effort to address unhealthy lifestyles, Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi announced the "Putrajaya Sihat Sejahtera" initiative in March, a six-year programme that will begin this year and involve collaboration with health experts.

Holistic health expert Datuk Dr Rajen M. is hopeful that the pro-

gramme will address unhealthy lifestyle, since Malaysia has the highest obesity rate in South-East Asia.

"The government is trying to push for Malaysians to consume less sugar or no sugar at all as a way to reduce diabetes and obesity. There's a plan to make Putrajaya a model city ... the country's first healthy district."

"Many programmes and precise details are included in this initiative, and one of them is to decrease sugar consumption," he said when contacted.

Describing the Putrajaya Sihat Sejahtera programme as an "excellent idea", health expert Datuk Dr NKS Tharmaseelan said the initiative is timely as the country needs to reduce the burden on the healthcare system due to the high number of NCD sufferers.

With Malaysia "quickly developing as the diabetes capital of the world", he expressed hope that the programme would be extended nationwide soon.

"High sugar affects every organ and cell. From head to toe, every system is affected. There is an increasing number of women who become diabetic during pregnancy, adding to the risks."

"No system is spared, including mental health and depression," he said, adding that the number of people awaiting kidney trans-

plants is shocking too.

Public health expert Datuk Dr Zainal Ariffin Omar said it was appropriate that such an initiative begins in the country's administrative capital.

"Putrajaya should start as an example to others as its people are among those with a high rate of obesity and other NCD risk factors."

"They don't adequately practise a healthy lifestyle by consuming a healthy, nutritious diet or exercising and quitting smoking. These are all stressful conditions."

"It will be easier (in Putrajaya) because most people there are civil servants and schoolchildren," he said.

On March 4, Ahmad Zahid, who is also the Agenda Nasional Malaysia Sihat (Healthy Malaysia National Agenda) chairman, revealed that obesity and cholesterol levels of Putrajaya residents had exceeded national rates.

The Putrajaya Sihat Sejahtera initiative, according to Ahmad Zahid, will focus on civil servants and their workplaces where elements of healthy and active lifestyle, supportive environment, healthy nutrition and mental wellness will be highlighted.

In 2022, the Statistics Department reported that 16.1% of deaths in Putrajaya were caused by ischemic heart disease, 10% by pneumonia and 5.2% by stroke.



Keeping fit: A man skipping rope as he exercises in Putrajaya.
— GLEN GUAN / The Star

'Vital to teach students healthy living in school'

By ELISHA MARY EASTER
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Health education should be instilled early as unhealthy lifestyles are often picked up during schooldays, say educationists.

Primary school teacher Patrisha Ann Selvaraj said educating students about healthy living from an early age is crucial to combating the health risks associated with unhealthy lifestyles and promoting long-term wellness.

"By prioritising health education, schools and universities can equip students with the knowledge and habits necessary to lead healthier lives."

"The prevalence of coffee shops and fast food restaurants near schools and universities contributes significantly to this issue, as these precise environments (when left unchecked) encourage unhealthy eating habits," she said.

Additionally, the modern lifestyle of students, who often lack physical activity in their daily routine as well as lack an interest in sports, exacerbates the problem, she added.

Peter Paul, 21, a polytechnic student, said there is a lack of health education at his institution.

"Talks or events about healthy eating are rare and, if there are any, are often unengaging."

"I usually don't attend any talks unless they are made compulsory for students," he confessed, highlighting a gap in effective nutritional education within the campus environment.

"I rarely join any sports activities on campus due to assignments but I will go cycling during my leisure time," he added.

Universiti Sains Malaysia student Shirra Weirigen candidly described her struggle with maintaining a healthy diet amid a busy lifestyle.

She acknowledged that her diet is dominated by protein and carbs, and admitted that she often indulges in snacks such as ice cream and popcorn when out with friends.

"I know I don't drink enough plain water, I often consume sugary drinks and soya instead," she admitted, noting that this habit contributed to weight gain and a feeling of constant fatigue.

Despite understanding the addictive nature of sugar and health risks such as heart attacks and diabetes, Weirigen finds it challenging to cut back.

"Sugar is very addictive and hard to stop," she said, linking her fluctuating moods to her diet.

Another university student, Harpreet Kaur Sukhdev Singh, said drinking tea or coffee is part of her culture, and she had been doing this regularly since she was young.

"I usually start and end my day with coffee or tea, and have late-night snacks during exam weeks when I stay up all night," she said.

Harpreet, however, monitors her sugar intake, given that she is not so active in sporting activities on campus.

She added that she is aware of the health risks of high sugar consumption such as obesity and diabetes, and had noticed changes in her energy levels and moods based on her diet.

"As for education, my university has a page called Sports Centre where information regarding healthy eating is posted," she said.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL

50 mental illness cases monthly in Kelantan

KOTA BHARU: The Psychiatric Specialist Clinic at the Raja Perempuan Zainab II Hospital here receives 50 new mental health cases for treatment each month.

Its Psychiatry and Mental Health Department head Dr Fariza Yahya, said 25 of such cases involve patients suffering from depression.

She emphasised the importance of seeking immediate treatment from specialists at the hospital, for those facing mental health issues.

"I advise those affected not to attempt self-treatment with illegal drugs such as 'pil kuda' and others.

"Self-treatment usually leads to worsening depression. Many patients also seek treatment from traditional medicine practitioners in villages."

Fariza said although the cost of mental health treatment can be high, particularly with newer medications, such drugs have shown to be effective with fewer side effects.

She clarified that depression is not attributable to a lack of faith (for Muslim patients), but rather stems from persistent stress and can also be associated with genetic factors.

"What is crucial is intensive treatment and support from close ones. Left untreated, the condition may worsen, posing risks to themselves and others," she added.

— Bernama

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

340 new dengue cases reported

PUTRAJAYA: A total of 343 new cases of dengue fever were reported in the 19th Epidemiological Week (EW19) from May 5 to 11, bringing the total number of cases to 2,338 compared with 1,995 the previous week.

Health Director-General Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said one death due to dengue fever complications was recorded during the period.

He said the cumulative number of reported dengue fever cases until EW19 is 57,220, compared with 41,175 cases for the same period in 2023.

He also said there were 40 fatalities due to dengue fever complications, compared with 26 deaths for the same period in 2023.

"Sixty hotspots were identified in EW19, compared with 70 in the previous week.

"Of the 60, 45 were in Selangor, seven in Kuala Lumpur and Putrajaya, three in Sarawak, two in Penang and one each in Kedah, Perak and Negeri Sembilan."

He said the expected decrease in rainfall and warmer weather during the southwest monsoon may have contributed to a rise in the number of mosquitoes.

As such, the public is advised to ensure there are no mosquito breeding grounds inside and outside their homes. – Bernama